

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 19 DISEMBER 2018**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	INOVASI KEROPOK LEKOR SIHAT, MEGA AGRO, UTUSAN MALAYSIA -28 KERJASAMA PERTINGKAT INDUSTRI BURUNG WALET, MEGA AGRO, UTUSAN MALAYSIA – 29	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3. 4. 5.	75,000 BENIH IKAN DILEPASKAN DI SUNGAI PERAK, BH - ONLINE MALAYSIAN GOVERNMENT TO PROHIBIT EXPORT OF 4 SPECIES OF FISH, SHRIMP FROM JAN 1 TO FEB 28, THE STRAITS TIMES -ONLINE PATUTLAH MENCURIGAKAN..., NSTP – ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	TEKNOLOGI KEROPOK KERING UNTUK IMPORT, MEGA AGRO, UTUSAN MALAYSIA – 28	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7. 8.	EXPORT ROSELLE, BISNESS, UTUSAN MALAYSIA – 38 RM1.5 JUTA UNTUK PROJEK KUKUH, NEGARA, KOSMO – 14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9.	KODUS TO AGENCIES IN RABIES EPIDEMIC, LETTERS, NST -17	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



HASIMAH HAFIZ AHMAD (kiri) bersama Nor Salasih Mohamed menunjukkan keropok lekor cendawan dan keropok lekor empat segi.

## Teknologi keropok keping untuk import

**T**IDAK hanya memfokuskan kepada soal rasa, pembungkusan produk juga menjadi keutamaan kepada MARDI untuk meningkatkan nilai komersial produk yang dihasilkan.

Oleh itu, Institut penyelidikan berkenaan telah meningkatkan teknik pemrosesan keropok keping dengan membuat pengubahsuaian kepada bentuk empat segi yang lebih seragam.

Ketua Pengarahnya, **Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd. Noor** berkata, ia bertujuan memberi peluang kepada produk berkenaan untuk 'terbang' ke luar negara.

"Berdasarkan konsep pembungkusan yang lebih efisien dapat memudahkan produk ini untuk dieksport ke luar negara.

"Kita mahu memastikan produk yang dihasilkan dapat dipasarkan dengan lebih meluas," jelasnya.

Sementara itu, menurut Nor Salasih Mohamed, pengubahsuaian formulasi dan penggunaan bekas

acuan pembentuk serta pencipitan dulang pengeringan dapat memberikan bentuk empat segi yang sama selepas pengeringan.

"Keropok ikan yang berbentuk melengkung terlalu besar dan tidak seragam

menyebabkannya mudah jatah dan sukar dibungkus.

"Menerusi inovasi ini, isipadu keropok yang dapat diisi dalam satu pembungkusan juga jadi lebih banyak, daripada 400 gram kepada 500 gram.

Selain itu, ia dapat mengurangkan kos pembungkusan, menjimatkan ruang penyusunan dan menjadikan penampilan produk lebih menarik.

Hal ini kerana keropok keping empat segi lebih mudah dibungkus di dalam plastik polietilena ketumpatan rendah (LDPE) dan kotak.

Keropok keping berkenaan dijual pada harga RM10 bagi 500 gram dan jangka hayat produk yang dibungkus dengan kotak dan plastik LDPE adalah selama setahun.

## Inovasi keropok lekor sihat

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**  
intansuhanaomar@gmail.com

**S**IAPA sabaja yang tidak menggemari keropok lekor? Tekstur yang rangup dicampur dengan rasa ikan yang sedap membuatkan ia antara hidangan snek yang sangat disukai terutama oleh kanak-kanak.

Malah, keropok lekor juga tidak ketinggalan daripada mengalami revolusi apabila mula dihidangkan bersama keju dan sebagainya.

Menyedari perubahan itu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengambil inisiatif menghasilkan varieti keropok lekor cendawan yang berkhasiat untuk penggemarnya.

Inovasi tersebut menggabungkan keropok lekor dengan hiran cendawan untuk menambah nutrisi sayuran dalam variasi produk ikan di pasaran.

Menurut Saintis Kanan Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Makanan, **Nor Salasih Mohamed**, idea penghasilan keropok berkenaan tercetus apabila beliau melihat kanak-kanak amat sukar untuk

mengambil sayuran dalam pemakanan seharian mereka, namun sangat menggemari snek seperti keropok lekor.

Oleh itu katanya, beliau mengambil keputusan untuk mencampurkan cendawan yang merupakan sayuran ke dalam resipi keropok lekor sekali gus menjadikan produk berkenaan lebih berkhasiat kerana mengandungi serat dan asid lemak tidak tepu.

"Objektif utama penghasilan produk inovasi ini ialah untuk merangsang perkembangan minda kognitif anak-anak melalui pengambilan sayur dalam diet harian dan boleh menjadi pengganti kepada sosej.

"Hal ini kerana ia mengandungi 1.10 gram asid lemak tidak tepu (PUFA) bagi 100 gram keropok lekor cendawan. Pengambilan PUFA yang mencukupi dalam pemakanan seharian juga baik untuk mengurangkan risiko sakit jantung," ujarnya.

Beliau ditanya pada majlis pelancaran keropok berkenaan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, **Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan** di Serdang baru-baru ini sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan



Malaysia (MAHA) 2018. Hadir sama Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian itu, **Datuk Naimah Ramli**; Timbalan Ketua Pengarah MARDI, **Dr. Rozhan Abu Dardak** dan Pengarah Pusat Penyelidikan Teknologi Makanan MARDI, **Hasimah Hafiz Ahmad**.

Tambahnya, selain PUFA, keropok lekor berkenaan turut mengandungi serat yang tinggi dapat mengurangkan risiko sakit jantung, strok, diabetes, obesiti dan hipertensi. Selain itu, ia mengandungi

**MOHD. SALLEHUDDIN HASSAN** mengungkap keropok lekor cendawan pada majlis pelancaran produk itu di Serdang, baru-baru ini.



**MOHD. SALLEHUDDIN HASSAN** (tiga dari kanan) bersama **Dr. Mohamad Roff Mohd. Noor** (tiga dari kiri), **Dr. Rozhan Abu Dardak** (5 kanan), **Naimah Ramli** (dua dari kiri) dan **Nor Salasih Mohamed** (kiri) menunjukkan produk keropok lekor cendawan dan keropok



**KERPOK** ikan cendawan dan keropok ikan empat segi yang diperkenalkan oleh MARDI.



protein dan beta glucan yang boleh menurunkan kolesterol dalam darah. "Nilai pemakanan yang baik lalu kurang kandungan lemak dan kolesterol menjadikannya sesuai untuk dijadikan sebagai snek alternatif di pasaran.



ia dari (kanan), Masfiah Hafiz Ahmad kor empat segi di Serdang, baru-baru ini.

skor yang tinggi iaitu 4.0 ke atas bagi ciri warna, rasa, tekstur dan penerimaan berbanding keropok tanpa cendawan dalam ujian nilai rasa oleh panel terlatih," ujarnya lagi.

Dalam pada itu jelasnya, formulasi yang dibangunkan itu berjaya menghasilkan produk yang lembut dan tidak mudah terurai kerana ramuan yang digunakan dapat memegang campuran hirisan, cendawan bersama ramuan lain semasa penyimpanan sejuk beku atau selepas digoreng.

Produk berkenaan berpotensi untuk dikomersialkan dengan harga RM13 sekilogram dan mampu bertahan sehingga setahun.



DR. MOHD. EKHWAN TORIMAN (dua kanan) menerima sumbangan daripada Brandon Liu sambil disaksikan oleh Prof. Dr. Khairiah Badri (kanan) dan Edmund Mah selepas menandatangani perjanjian pelenzenan di Bangi baru-baru ini.

## Kerjasama pertingkat industri burung walet

**S**ARANG burung walet yang terkenal dalam kalangan masyarakat Cina memiliki pasaran yang luas ekoran manfaat dan kebaikan nutrien serta khasiatnya.

Industri tersebut dilihat berpotensi untuk terus berkembang apabila mencapai piawai tinggi dalam penyediaannya memandangkan permintaan terhadap produk tersebut amat tinggi dalam pasaran dunia.

Malah, Malaysia merupakan negara kedua terbanyak mengeksport sarang burung walet di dunia sekali gus berpotensi menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

Baru-baru ini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan The International Swiftlet Academy (ISA) menjalin kerjasama memerusi Perjanjian Pelesenan Teknologi (TLA) dalam usaha meningkatkan industri tersebut di mata dunia.

Kerjasama tersebut melibatkan penyelidik dari UKM yang terlibat dalam industri sarang burung walet untuk menterjemahkan penyelidikan yang dijalankan kepada industri melalui inisiatif latihan dan teori.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mohd. Ekhwain Toriman, penyelidik di UKM lahir dengan empat modul yang

didapati dalam versi bahasa Inggeris dan Mandarin.

Modul tersebut adalah Sains Sarang Burung Yang Boleh Dimakan, Penyediaan Pengisian Sarang Burung Yang Boleh Dimakan, Penghasilan Coklat Buatan Tangan Secara Asas dan Penyediaan Minuman Kordial.

Beliau yang juga Pengerusi UKM Tech berkata, empat modul yang dibentuk itu akan digunakan oleh ISA dan penyelidik UKM untuk mendedahkan program latihan kepada mereka yang berminat atau terlibat secara langsung dalam industri sarang burung walet.

"Semasa saya terlibat dalam industri sarang burung pada 2003, tiada modul khas yang diberikan, sebaliknya kami hanya merujuk apa yang ada dari Indonesia.

"Kiri, sumbangan idea penyelidik dalam membentuk empat modul akan diguna pakai oleh ISA bersama penyelidik secara teori dan praktikal sepanjang tempoh kursus nanti.

"Program pertama dijalankan di pejabat ISA di Batu Caves dan Kampus UKM di Bangi," katanya.

Beliau yakin menerusi usahasama tersebut akan membantu industri sarang burung walet berkembang dari segi perolehan negara.

"Malaysia mengeksport sarang burung walet hampir 12 tan metrik sebulan dan

jumlah tersebut merupakan petanda baik. Saya percaya angka itu boleh dipertingkatkan jika industri itu dilaksanakan dengan betul mengikut piawai ditetapkan.

Sementara itu, Pengasas Bersama ISA, Brandon Liu berharap kerjasama yang terjalin itu dapat meningkatkan industri sarang burung di Malaysia.

"Kita mahu melihat industri ini meningkat, kerana itu perlunya pelbagai sokongan termasuk dari universiti yang memiliki kepakaran.

"Modul ini khas dicipta untuk mereka yang berminat untuk menceburi bidang perusahaan sarang burung walet dan amat sesuai untuk industri tersebut menambah baik standard sedia ada," ujarnya.

ISA memilih UKM bagi kerjasama tersebut berdasarkan kelebihanannya dalam bidang kajian dan penyelidikan berkaitan sarang burung walet.

"Misi kami untuk menyediakan penguang pembelajaran dan melahirkan pelajar yang berkelayakan dalam teori dan praktikal daripada industri sementara visi kami untuk membentuk portfolio pelajar yang memiliki kualiti standard terbaik dalam produk sarang burung serta memperbaiki kemahiran dalam prospek kerjaya. Ia bagi membolehkan mereka sukses sebagai pekerja," jelasnya. -AQILAH MIOR KAMARULBAID

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2018	BH	ONLINE	

## 75,000 benih ikan dilepaskan di Sungai Perak



**LENGGONG:** Jabatan Perikanan Negeri Perak melepaskan 75,000 benih hidupan air di Sungai Perak di Kampung Luat, dekat sini, semalam. Ia membabitkan 50,000 benih udang galah bernilai RM2,800, 10,000 benih ikan jelawat dan baung serta 5,000 benih patin bernilai RM8,000.

Ketua Cawangan Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Jabatan Perikanan negeri, Salehuddin Ismail, berkata program pelepasan benih udang dan ikan ini

sudah lama dilaksanakan dengan pelepasan benih sebanyak 1.7 juta pada tahun 2016 dan 1.6 juta tahun lalu, walaupun sasaran pihaknya ialah melepaskan dua juta benih ikan setahun di Perak.

“(Kegagalan mencapai sasaran) kerana kita bergantung kepada peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat dan negeri. (Tahun ini) kerajaan negeri bagi RM100,000 dan kita harap dapat RM50,000 atau RM60,000 lagi daripada Kerajaan Pusat,” katanya ketika menyampaikan taklimat sempena program itu yang dihadiri lebih 30 nelayan darat berlesen di kampung itu. Program sambil berkelah makan ikan tengalan, kelabau, lampam jawa, loma bakar dan baung gulai tempoyak yang disumbangkan oleh nelayan itu turut dihadiri Ketua Pusat Pengembangan dan Teknologi Perikanan Lenggong, Muhamad Amir Rullah Marabi; Ketua Kampung Luat, Radzi Mohamad dan Ketua Jaringan Perikanan Kampung Luat, Mohd Nor Ismail.

Sallehuddin berkata, sebanyak 330,261 benih ikan baung, lampam dan jelawat bernilai RM35,600 dilepaskan di perairan sebelah hulu Empangan Chenderoh pada tahun 2016 dan sebanyak 112,160 benih ikan sama bernilai RM6,729 dilepaskan tahun lalu.

Beliau berkata, lokasi sebenar pelepasan benih ikan itu ialah di Tasik Raban, Suak Dahong, Lubuk Puteri, Pengkalan Pipit dan Lubuk Bena dengan pendaratan ikan di kawasan berkenaan bagi tempoh 11 bulan pertama tahun ini ialah sebanyak 57.12 tan berbanding 56.58 tan metrik, tahun lalu. Sallehuddin berkata, pelepasan benih ikan untuk tahun depan dijangka diadakan sebanyak dua kali bagi setiap daerah di Perak. “Untuk tahun depan, kita akan buat dua kali pelepasan benih bagi setiap daerah. Kalau sambutannya sangat menggalakkan seperti ini, tiga kali pun boleh,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2018	THE STRAITS TIMES	ONLINE	

## Malaysian government to prohibit export of 4 species of fish, shrimp from Jan 1 to Feb 28



The Malaysian government will prohibit the export of four species of wild-caught fish and shrimp to meet the shortage in the market during the monsoon and festive seasons, Agriculture and Agro-based Industry Minister Salahuddin Ayub said on Monday (Dec 17).

He said “kembung” (mackerel), “selar” (trevally), “pelaling” (Indian mackerel) and “bawal” (pomfret) fish, as well as shrimp, will be prohibited from export from Jan 1 to Feb 28, 2019, reported Bernama.

Three associations – the National Fishermen’s Association, Kedah Fishermen’s Association and Besut Area Fishermen’s Association – will be entrusted with the storage of frozen fish and moving the supply throughout the country, Mr Salahuddin told a press conference at Parliament House. “At present, frozen fish stocks amount to 400 tonnes at the three storage centres,” he said.

Mr Salahuddin also said that the government will allow monsoon trawling for shrimp in January and February 2019 by operators of traditional 15 GRT (gross registered tonnage) vessels in Kelantan, Terengganu, Pahang and eastern Johor, provided the vessels are equipped with a turtle excluder device. “There are 148 monsoon trawlers in Kelantan, Terengganu, Pahang and eastern Johor. The Fisheries Department has also received 45 new applications which meet the conditions,” he said.

“According to statistics, Malaysia landed 115,000 tonnes of shrimp in 2017, with monsoon trawlers contributing three per cent of that volume,” he added. Last week, Malaysia’s Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Saifuddin Nasution Ismail said the country is looking into limiting or stopping the export of eggs, to ensure a sufficient supply for the domestic market.

Approximately 73 per cent of Singapore’s eggs are from Malaysia, according to Singapore’s Agri-Food and Veterinary Authority (AVA), with around a quarter produced in Singapore. Less than 1 per cent of eggs are imported from accredited farms in Thailand, Japan, Australia and New Zealand. AVA said supplies remain unaffected for now and there are plans in place to acquire eggs from elsewhere if need be.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2018	NSTP	ONLINE	

## Patutlah mencurigakan...



TINDAKAN sekumpulan nelayan menutup nombor pendaftaran bot dan memotong pukat tunda yang digunakan, gagal mengabui pihak berkuasa apabila dicekup Jabatan Perikanan Malaysia Daerah Lumut, hari ini.

Ketua Pangkalan Perlindungan Sumber Jabatan Perikanan Malaysia Lumut, Mansor Yobe berkata, nelayan terbabit dikesan 8.20 pagi ketika beliau bersama tiga anggota menjalankan rondaan rutin di perairan Pulau Trong, Taiping.

Katanya, semua nelayan terbabit menaiki sebuah bot nelayan kelas A dalam keadaan mencurigakan pada kedudukan 1.4 batu nautika dari pantai pulau itu. Menurutnya, ketika dihampiri, bot terbabit dikatakan telah bertindak memotong pukat tunda yang digunakan dan cuba melarikan diri, namun berjaya dipatahkan pihaknya.

“Bot yang ditahan itu dikendalikan oleh seorang tekong dan dua awak-awak dikesan dengan sengaja menutup nombor pendaftaran atas tujuan yang tidak pasti. “Bot bersama tekong dan awak-awak yang berusia antara 35 hingga 50 tahun itu ditahan bersama peralatan dan diiringi ke Jeti Jabatan Perikanan Daerah Kerian di Kuala Kurau untuk tindakan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan media, di Parit Buntar, hari ini.

Menurutnya, hasil pemeriksaan lanjut mendapati ketiga-tiga nelayan tempatan itu melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8(a) dan Seksyen 11(3)(b) Akta Perikanan 1985 kerana disyaki menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan bagi bot kelas A.

Beliau berkata, satu laporan polis dibuat berhubung kejadian itu bagi membolehkan siasatan dilakukan manakala tiga nelayan terbabit dilepaskan dengan jaminan polis selepas diambil keterangan dan proses dokumentasi direkodkan. “Siasatan masih dilakukan bagi mengenal pasti pemilik sebenar bot serta tujuan nombor pendaftaran bot itu ditutup. “Bot bersama peralatan digunakan kini ditempatkan di pengkalan Kuala Kurau sementara menanti siasatan dijalankan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2018	UTUSAN MALAYSIA	BISNESS	38

## EKSPORT ROSELLE

→ Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sasar untuk mengeksport **100 tan metrik** roselle pada 2019:

→ Sejak 2014, Malaysia mencatatkan nilai eksport roselle melebihi **RM3 juta.**



→ **Australia dan Korea Selatan** menjadi **destinasi eksport utama** produk tersebut.

→ Roselle dapat **membantu usahawan pertanian meraih pendapatan dengan lebih cepat** kerana hasilnya dapat dituai selepas tiga bulan ditanam.

→ **Mersing** merupakan daerah yang mempunyai banyak tanaman roselle di Johor dengan keluasan tanah **55.9 hektar** diikuti **Batu Pahat** (44 hektar).

UTUSAN  
MALAYSIA

Sumber : FAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2018	KOSMO	NEGARA	14

## RM1.5 juta untuk program Kukuh

**MELAKA** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memperuntukkan RM1.5 juta untuk disalurkan kepada usahawan tani di bawah Program Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak Terus ke Pasar Tani (Kukuh) pada tahun depan.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Datuk Nazipah Jamaludin berkata, pada tahun ini, kira-kira RM1 juta diagihkan kepada peserta program itu bagi membantu mereka memperkasa projek yang diusahakan dan seterusnya mengeluarkan lebih banyak hasil.

Katanya, inisiatif itu diharapkan dapat menambah bilangan jumlah petani kecil di seluruh negara selaras seruan kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran tahun depan.

"Pemasar kadangkala tidak cukup bekalan dan memerlukan gabungan petani kecil untuk mengkomersialkan hasil pertanian mereka. Sekurang-kurangnya satu pemasar mempunyai lima petani di belakangnya tetapi di Melaka seorang pemasar mempunyai lebih 30 petani.



**NAZIPAH** (tengah) melawat gerai jualan buah pada program Jualan Terus Dari Ladang di Bukit Katil, Melaka semalam.

"Kita juga menyasarkan jumlah peserta Kukuh yang kini lebih 300 orang di seluruh negara bertambah tahun depan sekaligus memastikan lebih banyak hasil pertanian ladang kontrak disalurkan terus kepada pengguna melalui *outlet* peruncitan Fama," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) di Yoshii Agro Care, Pusat Pengumpulan Ladang Bukit Katil yang turut dihadiri Pengarah Bahagian Ladang Kon-

trak FAMA, Mohd. Radzi Mohd. Hanafiah dan Pengarah Fama negeri, Che Samudin Hassan.

Sementara itu, Che Samudin berkata, FAMA Melaka menyasarkan nilai jualan JTDL sebanyak RM100,000 pada tahun depan.

"Setakat November ini, FAMA negeri mencatatkan nilai jualan RM26,400 yang melibatkan lima peserta melalui 11 program yang dijalankan," katanya menambah Fama Melaka juga komited untuk meningkatkan hasil pertanian di JTDL. - Bernama



## RESPONSIBLE PET OWNERSHIP

## Kudos to agencies in rabies epidemic

**WE** in Petpositive are shocked and deeply saddened to hear of the more than a dozen cases of rabies deaths in Sarawak since the outbreak began in June last year.

At the same time, we applaud what the respective authorities, namely, the Department of Veterinary Services (DVS) and the local councils (PBTs) in the state have been doing – working tirelessly to bring the epidemic to an end as soon as possible.

However, we realise that all their good efforts cannot be successful fast enough until dog and cat owners themselves start taking responsibility for their pets.

These responsibilities include promptly vaccinating their dogs against rabies, and not allowing them roam outside the compounds of their houses.

Petpositive praises the

Sarawak SPCA, which we understand, has been working closely with the DVS and PBTs on this crisis.

This is great because no one voice is louder or stronger to dog lovers everywhere than from the non-governmental organisations (NGOs) which are dedicated to speak up about animal welfare and rights.

When animal NGOs team up – coupled with animal experts like veterinarians in the DVS – they become more effective in arming dog lovers with accurate information on what needs to be done in order to put a stop to the rabies epidemic.


Animal welfare NGOs in the peninsula should seize this opportunity to educate pet owners, not only on responsible ownership, but also on insidious diseases like rabies that can creep

up to torture canines and humans when they contract it.

It should also educate us about the sometimes dangerous tasks that professional bodies like the DVS and local councils have to confront in order to maintain a safe, healthy and conducive environment for everybody to live in. They are the unsung heroes.

The current rabies outbreak should help us understand the indispensable role of local councils' dogcatchers and the vector departments. Those with sentimental notions on the issue of stray dog management are lucky that they do not have to risk their lives unlike DVS and PBTs staff. What they should do is to arm themselves with facts.

These include the role of euthanasia which takes away the horrendous suffering of dogs during rabies which is incurable



*The rabies vaccine. Responsible pet owners should get their pets vaccinated against rabies and keep them indoors. FILE PIC*

to both animals and humans when full-blown. To catch the infected dogs, "fix them" and then re-dump them in the streets is cruel.

To go on feeding strays without finding a caring home for them is

to force them forage for food on their own or die, with no access to veterinary care. Or they become victims of poisoning and roadkill.

**ANTHONY THANASAYAN**  
President, PETPOSITIVE